

04/10/2001

Hadi anggap BN laksana perkara bercanggah prinsip Islam

KUALA TERENGGANU, Rabu - Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menganggap Malaysia bukan negara Islam kerana Barisan Nasional (BN) yang memerintah negara masih melaksanakan perkara yang bercanggah dengan prinsip negara Islam sebagaimana ditetapkan al-Quran dan hadis.

Beliau berkata, sejak BN memerintah, hanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan negara ini sebuah negara Islam.

Abdul Hadi mendakwa tiga Perdana Menteri sebelum ini, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn, semuanya membuat kenyataan bahawa negara ini adalah negara sekular bukannya sebuah negara Islam.

Beliau berkata, Malaysia belum boleh dianggap sebuah negara Islam kerana undang-undang yang diamalkan tidak berasaskan al-Quran dan hadis sepenuhnya serta ada peruntukan yang mensyaratkan enakmen negeri-negeri mesti tidak bercanggah dengan perlembagaan.

"Dalam perlembagaan juga tidak menetapkan orang yang menjadi ketua negara atau Perdana Menteri itu mesti seorang yang beragama Islam," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Ahli Exco negeri, di Wisma Darul Iman, di sini, hari ini.

Abdul Hadi yang juga Timbalan Presiden Pas berkata, jika Malaysia sebuah negara Islam kes membabitkan orang Islam termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu dibicarakan di Mahkamah Syariah.

"Saya mencabar kalau benar Malaysia sebuah negara Islam, kes bekas Timbalan Perdana Menteri itu mesti dibicarakan di Mahkamah Syariah kerana dia (Anwar) seorang yang beragama Islam berhak dibicarakan mengikut hukum Islam," katanya.

Katanya, apa yang ada, negara ini hanyalah tanah air umat Islam kerana sebagai negara Islam mesti laksanakan hukum Islam.

(END)